

25/11/1997

PKPKM sokong penubuhan MBEN

KOTA BHARU, Isnin - Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) menyokong langkah kerajaan menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (MBEN) yang bertindak sebagai badan penasihat bagi membantu memulihkan kedudukan ekonomi negara.

Yang Dipertua PKPKM, Datuk Ahmad Arshad berkata, penubuhan badan itu juga boleh membantu menangani masalah kejatuhan nilai ringgit.

Menurutnya, seluruh lapisan masyarakat harus menyokong penubuhan majlis itu yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut dianggotai beberapa menteri berhubung masalah ekonomi.

Beliau berkata, pihaknya meminta Kementerian Pertanian turut samamenyertai majlis itu kerana ia juga salah satu kementerian yang bertanggungjawab memajukan ekonomi negara menerusi sektor pertanian.

"PKPKM yang mempunyai kira-kira 450,000 pekebun kecil di seluruh negara menyokong penuh penubuhan MBEN itu," katanya.

Ahmad menegaskan dalam keadaan ekonomi meruncing yang dialami negara sekarang memerlukan langkah untuk menanganinya dilakukan dengan bijaksana melalui MBEN.

(END)